

28/01/2004

UM anugerah ijazah kehormat kepada Dr M

KUALA LUMPUR: Sebuah lagi universiti tempatan akan menganugerahkan ijazah kehormat kepada Tun Dr Mahathir Mohamad bagi mengenang jasa serta sumbangannya terhadap pembangunan masyarakat dan negara sewaktu menjadi Perdana Menteri.

Universiti Malaya (UM) akan menganugerahkan beliau dengan Ijazah Kehormat Doktor Pemikiran Islam.

Berikutan itu, Sultan Perak Sultan Azlan Shah yang juga Canselor UM akan menyampaikan anugerah berkenaan kepada Dr Mahathir pada satu konvokesyen khas di Dewan Tunku Canselor di UM, jam 9 pagi, Jumaat ini.

UM turut menjemput orang ramai yang berminat menyaksikan upacara berkenaan menghadiri majlis itu.

Penganugerahan itu menjadikan UM sebagai universiti tempatan ketiga menganugerahkan ijazah kehormat kepada Dr Mahathir.

Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Hashim Yaacob, berkata universiti itu menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pemikiran Islam sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan pemikiran beliau bagi pembangunan negara.

Katanya, Dr Mahathir sebenarnya adalah seorang pemikir yang hebat dan pemikirannya berlandaskan luno yang digariskan Islam.